

X
571
UNESCO

1974

KUALA LUMPUR, 19 OKT (BERNAMA) -- BEBERAPA BUAH NEGARA TERMASUK MALAYSIA AKAN MEMBENTANGKAN USUL SUPAYA DIADAKAN TAMBAHAN BESARBAGI PERUNTUKAN PROJEK KEBUDAYAAN MELAYU DI SIDANG AGONG UNESCO KE 18 DI PARIS.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, USUL ITU JUGA AKAN MEMINTA PROJEK KEBUDAYAAN MELAYU DIPERLUASKAN TIDAK SAJA DI BIDANG BUDAYA DI RANTAU OCEANIA TETAPI JUGA DI LAIN-LAIN NEGARA ASIA TENGGARA.

RANGKA USUL ITU TELAH DIPERSETUJUI OLEH PAKAR-PAKAR DARI INDONESIA,)FILIPINA DAN MALAYSIA DI MESYUARAT PENUBUHAN JAWATANKUASA PENASIHAT BAGI KAJIAN BUDAYA MELAYU DI INDONESIA DALAM BULAN MEI TAHUN INI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR SEBELUM BERLEPAS UNTUK LAWATAN DUA MINGGU KE PARIS DAN UNITED KINGDOM, DR. MAHATHIR BERKATA, TUJUAN USUL ITU IALAH UNTUK MENGADAKAN SATU RANCAUDAYA YANG DIGABUNGAN BAGI RANTAU INI.

DALAM UCAPANNYA DI SIDANG ITU PADA HARI SELASA, BELIAU AKAN MENGGESA PERHIMPUNAN AGONG ITU MENGGALAK DAN MENYOKONG PROJEK-PROJEK DAN KEGIATAN DI RANTAU PERTUBUHAN MENTERI-MENTERI PELAJARAN ASIA TENGGARA (SEAMEO) SERTA MENGADAKAN PENYELARASAN USAHA YANG LEBIH BESAR DALAM MENGGUBAL DAN MELAKSANA RANCANGAN UNESCO DAN SEAMEO. --BERSAMBUNG 2205/IK

572
UNESCO 2 KUALA LUMPUR

197

MENGENAI DASAR PENGAMBIL KAKITANGAN PERSIDANGAN ITU, KATANYA PIHAK SEKRETARIAT PERLU MEMPUNYAI KAKITANGAN TERDIRI DARI PEGAWAI-PEGAWAI AWAM ANTARABANGSA YANG DAPAT MEWAKILI PELBAGAI BUDAYA DAN KAWASAN DUNIA.

BELIAU MENAMBAH, SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK MEMPUNYAI WAKIL YANG CUKUP BAGI MEMEGANG JAWATAN-JAWATAN PROFESYENEL YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAKSANA RANCANGAN-RANCANGAN PERTUBUHAN ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA, PERWAKILANNYA AKAN MENYKONG CALUN DARI FILIPINA YANG AKAN BERTANDING UNTUK MEMEGANG JAWATAN DALAM LEMBAGA PEKERJA PERSIDANGAN ITU.

SEMASA SIDANG ITU, ANGGUTA-ANGGUTA PERWAKILAN AKAN MENEMUI PEGAWAI-PEGAWAI SEKRETARIAT UNESCO UNTUK MEMBINCANGKAN PERMINTAAN MENDAPATKAN BANTUAN TEKNIK DAN KEWANGAN DI BAWAH RANCANGAN PENYERTAAN DAN RANCANGAN BIASA.

DR. MAHATHIR AKAN BERLEPAS DARI PARIS KE UNITED KINGDOM PADA HARI SABTU UNTUK MENEMUI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LONDON, BRIGHTON DAN GLASGOW SERTA MELAWAT BERBAGAI PUSAT PELAJARAN TERMASUK PUSAT PENGAJIAN SAINS CHELSEA. --BERNAMA 2210/IK